

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BIL. 2 TAHUN 2002

PENYEDIAAN DAN PENGESAHAN PELAN TANAH UNTUK PENDAFTARAN HAK MILIK SEMENTARA

Arahan ini dikeluarkan adalah untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah dalam penyediaan dan pengesahan pelan tanah untuk Pendaftaran Hak Milik Sementara.

2. Adalah diperhatikan terdapat pelan-pelan tanah untuk Pendaftaran Hak Milik Sementara bagi tanah-tanah pemberian milik, pecah sempadan, pecah bahagian dan sebagainya telah tidak disahkan oleh pihak berkenaan.
3. Pengesahan pelan berkenaan perlu dibuat oleh Pentadbir Tanah bagi pelan-pelan yang diuruskan oleh Pejabat Tanah dan oleh Juruukur Berlesen bagi pelan yang disediakan oleh Juruukur Berlesen.
4. Sehubungan dengan ini Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah memastikan setiap pelan terdapat pengesahan cop dan tandatangan yang berkenaan sebelum Hak Milik Sementara tersebut dapat didaftarkan dengan sempurna.

t.t
(ABDUL HALIM BIN HJ. AHMAD)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Bahagia / Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri
Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YBM Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN.369/ Jld.2/ (59)

BERTARIKH : 24hb. OKTOBER 2002